

dijadikan pelabuhan perantara  
seperti dahulu, dalam menghantar barang-barang yang berasal dari Persekutuan Tanah Melayu terkena lebih mahal sebab adanya dua kali cukai.

Dengan pengangkutan pasif pasif yang telah terjadi, seperti tegahan membawa keluar nenas dari Persekutuan Tanah Melayu ke Singapura hendaklah dijadikan cermin dalam menjalankan satu-satu tindakan secara terburu nafsu itu, akibatnya membawa kepada suatu perkara yang buruk terhadap ekonomi Singapura, dan kalau satu-satu tindakan balas itu dilakukan dengan cara yang tidak bijak, akibatnya mungkin membawa kepada kelumpuhan ekonomi negara Singapura seluruhnya.

Janganlah hendaknya setiap langkah atau tindakan yang dibuat itu boleh mendatangkan akibat-akibat yang buruk terutama terhadap negara jiran yang lebih hampir. Berhati-hatilah! **“Mulut kamu harimau kamu”** sebagaimana sabda Saiyidina Ali.

\* \* \*

### **Kedudukan Sekolah Campuran**

Di Singapura dan juga di Persekutuan Tanah Melayu sekarang ini diadakan sebuah sekolah yang dinamakan *“Integrated School”* yang mana murid-murid di dalamnya terdiri dari campuran di antara lelaki dengan perempuan. Tidak dapat diketahui adakah adanya murid-murid yang bercampur di dalam sekolah itu sebagai satu percubaan untuk mengetahui supaya di mana kebaikan atau keburukan yang didapati daripada sekolah campuran itu?

Tidak diketahui juga adakah cara ini hanya untuk sementara waktu sehingga didapati kesan-kesan yang akan menjadi bahan pemikiran bagi kerajaan untuk meneruskan atau menghentikannya?

Tidak pula kita ketahui adakah contoh-contoh campuran ini “diimport” dari negara Barat untuk dipersesuaian dengan masyarakat di sini. Dan tidak pula diketahui adakah tatkala “mengimport” cara ini telah dikaji dengan semasak-masaknya akan tabiat, adat istiadat, cara hidup dan pula agama penuntut-penuntut yang berkenaan?

Tetapi daripada segala apa yang telah kita lihat dan kita dengar, pemuda pemudi belasan tahun yang masih berada dibangku sekolah itu, mereka sudah mengerti akan “asmara” dan mungkin pula daripada khabar-khabar yang telah disampaikan kepada kita di antaranya ada yang telah berbuah dan menyulitkan pula kepada pengetahuan ibu bapa hendak “menghimpunkan” mereka, kerana syarat-syarat “menghimpunkan” mereka tidak akan boleh melainkan setelah berumur 16 tahun. (Cadangan rancangan baru- PQ).

Daripada akibat-akibat yang didapati nampak-nampaknya sepanjang yang disampaikan kepada kita banyak riwayat-riwayat yang buruk berlaku, ini dengan sendirinya akan membawa kepada kerosakan akhlak. Mengawal kerosakan akhlak tidak akan dapat dilakukan dengan kekuasaan polis atau hukuman. Tetapi yang utamanya menjauhkan segala punca-punca yang bakal menimbulkan atau menjadi bibit, benih kerosakan itu

mencampurkan mereka sepergaulan di dalam suatu tempat yang bertentangan dengan adat istiadat dan cara hidup mereka sehari-hari di rumah.

Melihat kepada kerosakan-kerosakan yang mungkin terjadi, kita berpendapat telah tibalah masanya bagi pihak Kementerian Pelajaran mengadakan suruhanjaya untuk menyiasat, menyelidik apa faedah, apa kebaikan dan sebaliknya, memeriksa kesan-kesan keburukan serta bencana-bencana yang mungkin timbul daripadanya yang lebih berbahaya daripada faedah yang didapati. Apabila suruhanjaya ini dapat menjelaskan dengan sejelas-jelasnya tentang persoalan ini, maka patutlah dipihak kerajaan memikirkan dan membuat kenyataan kepada umum apakah sepatutnya sekolah campuran ini diteruskan atau pun ditiadakan?

Persoalan ini adalah sangat perlu mendapat perhatian yang segera dari pihak Kementerian Pelajaran kedua-dua buah negeri ini Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, kerana umumnya ibu bapa yang terdiri daripada orang-orang Islam sentiasa berbimbang hati melepaskan anak-anak mereka masuk ke dalam sekolah-sekolah campuran. Tetapi mereka terpaksa menghantar anak-anak mereka itu ke sana kerana tiada ada arah atau tempat yang lain untuk memberi pelajaran kepada anak-anak mereka.

\* \* \*

### **Kurang Bijak?**

Sekarang timbul suatu krisis baru di Sarawak dalam mana orang-orang perikatan (parti pemerintah) menghendaki supaya Ketua Menteri